

Headline	Tokio Marine fokus platform digital		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Aug 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Bisnes	Page No	B8
ArticleSize	253 cm ²	Journalist	Nurhayati Abllah
PR Value	RM 26,163		



Tokio Marine fokus platform digital

➔ Tingkat kadar penembusan insurans selain sedia khidmat, produk terbaik untuk pelanggan

Oleh Nurhayati Abllah
nurhayatiabllah@bh.com.my

Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd akan memfokuskan penggunaan platform digital pada separuh pertama tahun depan dalam usaha menyediakan produk serta perkhidmatan terbaik kepada pelanggannya.

Ketua Pegawai Eksekutif, Toi See Jong, berkata langkah itu sejajar dengan perkembangan teknologi serta peningkatan pesat penggunaan telefon pintar di negara ini.

Katanya, ia sebagai pemangkin untuk meningkatkan kadar penembusan insurans dalam kalangan rakyat negara ini kepada 75 peratus menjelang tahun 2020 seperti ditetapkan industri, berbanding 55 peratus pada masa ini.

Penggunaan platform digital adalah usaha Tokio Marine meningkatkan produktiviti dalam kalangan ejen, mengurangkan tempoh masa pemprosesan polisi insurans, mengurangkan penggunaan kertas serta memudahkan pelanggan.

"Bagi tujuan itu, kami akan

meningkatkan kemahiran ejen dengan melatih mereka lebih profesional dan dapat menggunakan teknologi sepenuhnya.

"Ia membantu meningkatkan produktiviti ejen kami, seterusnya menyediakan produk terbaik kepada pelanggan. Pada masa ini, kami memanggilnya sebagai 'e-projek' yang semuanya menerusi penggunaan elektronik dan platform dalam talian serta peralatan teknologi lain seperti i-pad," katanya pada temu bual dengan *BH*, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Meningkatkan kos operasi

See Jong berkata, kini ada kira-kira 3,000 ejen Tokio Marine di seluruh negara dan mereka akan diberi pendedahan mengenai teknologi digital bagi meningkatkan produktiviti masing-masing.

Langkah itu akan mengurangkan kos operasi dan memudahkan pelanggan melihat polisi insurans yang mereka mahukan, selain menjimatkan tempoh kelu-

lusan setiap polisi.

Beliau berkata, penggunaan platform digital bukan bertujuan mengurangkan jumlah tenaga kerja atau ejen syarikat, sebaliknya bagi memastikan perjalanan operasi syarikat lebih produktif serta kekal mapan pada masa depan.

Tokio Marine juga berusaha kekal dalam industri dengan sasaran menjadi syarikat terbaik pada masa depan.

Sasar kedudukan kelima

Katanya, sasaran berkenaan dilaksanakan dengan memberi tumpuan kepada penyediaan produk dan perkhidmatan pelanggan menerusi agensi sedia ada.

"Kami menguasai bahagian pasaran yang baik ketika ini dan menunjukkan peningkatan sejak tahun 2007. Kami kini berada pada kedudukan ketujuh dalam pasaran dan berusaha mencapai kedudukan kelima dalam tempoh empat tahun akan datang,"katanya.

Headline	Tokio Marine fokus platform digital		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Aug 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Bisnes	Page No	B8
ArticleSize	253 cm ²	Journalist	Nurhayati Abllah
PR Value	RM 26,163		



Kami memanggilnya
'e-projek' yang semuanya
menerusi penggunaan
elektronik dan platform
dalam talian"

Toi See Jong,
*Ketua Pegawai Eksekutif
Tokio Marine Life Insurance
Malaysia Bhd*